

Headline **Jauhi dadah, hindari HIV/Aids**
Date **24 Aug 2009**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Selangor & KL**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
ADValue **1,650**

Language **Malay**
Page No **S14**
Article Size **300 cm²**
Color **Full Color**
PRValue **4,950**



Jauhi dadah, hindari HIV/Aids

KUALA LUMPUR – Pengunjung pusat hiburan dinasihatkan supaya tidak melibatkan diri dalam penyalahgunaan dadah dan melindungi diri mereka daripada dijangkiti HIV/Aids.

Pegawai Epidemiologi, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JKWPKL), Dr Khairiah Ibrahim berkata, seperti yang diketahui umum, pengunjung pusat hiburan seperti kelab malam adalah antara golongan yang berisiko tinggi untuk terjebak dalam penyalahgunaan dadah.

Menurutnya, golongan terbabit juga kebanyakannya sering mengabaikan mengenai kepentingan untuk mengamalkan hubungan seks selamat yang dapat menghindar diri mereka daripada dijangkiti HIV/Aids.

“Kebanyakan kita tahu bahawa penggunaan dadah seperti ecstasy, apfetamin, metaphetamin dan ketamin amat meluas dalam kalangan pengunjung pusat hiburan.

“Saya ingin menasihatkan mereka supaya mengatakan tidak kepada dadah dan sambil berhibur, mereka harus melindungi diri mereka daripada dijangkiti HIV/Aids,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika di-

temui selepas Program Kesihatan Di Kelab Malam yang diadakan di Blanc Le Club, Jalan Doraisamy, dekat sini.

Hadir sama, Ketua Penolong Pengarah Kanan (Aids/STD) Kementerian Kesihatan Malaysia, Dr Mohd Nasir Abdul Aziz; Pengurus Kelab Blanc Le Club, Zul Arshad dan Penolong Pegawai Antidadah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Zawari Ismail.

Bertemakan ‘Music Free Drug, Responsible Sex and Free From HIV’, program itu adalah merupakan anjuran bersama Unit HIV/Aids JKWPKL, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Agama Islam

Wilayah Persekutuan (Jawi) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Dr Khairiah berkata, sasaran bagi program itu ialah remaja, belia dan pengunjung kelab malam serta objektifnya adalah menyebarkan maklumat mengenai HIV/Aids dan punca-punca jangkitan serta pencegahan.

Katanya, JKWPKL juga ingin menyebarkan maklumat mengenai penyalahgunaan dadah dan masalah ketagihan selain mendekati golongan belia yang mengamalkan gejala tidak sihat seperti pe-

nyalahgunaan dadah serta hubungan seks.

Menurut beliau, pada program itu risalah diedarkan dan pas masuk ber-mesej diberikan kepada pengunjung serta maklumat turut disebar kepada mereka melalui mesej audiovisual.

“Program ini bagus dan akan diperluaskan ke kelab yang lain juga dan selain melaksanakan program di pusat hiburan, kami juga bekerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan yang dekat dengan golongan ini.

“Usaha sama itu adalah bagi melaksanakan pendekatan pendidikan secara ‘one to one’ berkaitan dengan seks selamat,” katanya.



● Dr Khairiah (dua dari kiri), Zul (kiri), Zawari (dua dari kanan) dan pegawai Jawi di Kelab Blanc Le bagi melancarkan Program Kesihatan Di Kelab Malam.